

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 01/09/2007

# Apabila 31 Ogos dianggap cuti biasa

Oleh NORAINI ABDUL RAZAK  
(WARTAWAN UTUSAN)

**HARI** ini, hari pertama kita melalui fasa kedua kemerdekaan negara. Fasa pertama 50 tahun kemerdekaan negara telah berjaya dilalui walaupun terdapat perit getir yang mewarnai peringkat awal negara bebas daripada belunggu penjajah.

Bagi menghargai kejayaan fasa pertama, persiapan menyambut ulang tahun kemerdekaan tanah air yang ke-50 telah dimulakan sejak setahun lalu. Pelbagai pihak terutama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bertungkus-lumus untuk membuat yang terbaik supaya sambutan jubli emas diingati oleh semua rakyat Malaysia.

Hasrat mereka hanya satu - menyatakan rasa bangga kerana Malaysia berjaya melepasi cabaran fasa pertama mempertahankan kemerdekaan tanah air daripada diceroboh

oleh kuasa asing.

Semestinya sambutan gilang-gemilang yang bermula malam kelmarin di Dataran Merdeka dan berakhir malam tadi di Stadium Merdeka membawa pengertian yang tersendiri kepada kita semua.

Walaupun nilainya tidak sama dengan sambutan kemerdekaan negara pada tahun 1957, namun maksud serta pengertian yang tersirat di sebalik sambutan gilang-gemilang itu amat luas.

Kita akui pengorbanan dan perjuangan generasi terdahulu untuk membebaskan negara daripada belunggu penjajah tidak terbalas hanya dengan mengadakan sambutan besar-besaran.

Malah kemerdekaan negara yang kita tantang selama 50 tahun tidak mungkin dapat dipertahankan hanya dengan bersandarkan sorakan serta dendangan lagu-lagu patriotik.

Hakikatnya tugas yang menunggu generasi pascamerdeka amat berat dan ia hanya boleh

dijayakan apabila setiap daripada kita dapat menghayati, memahami dan menghargai maksud kemerdekaan itu sendiri.

Ia juga hanya bermakna apabila setiap daripada kita berusaha untuk memainkan peranan walau sekecil mana sekali pun untuk memastikan perjuangan generasi terdahulu tidak sia-sia untuk tempoh 50 tahun akan datang.

Apa yang membimbangkan ialah ada kalangan rakyat Malaysia yang tidak mengambil berat sambutan ulang tahun kemerdekaan jauh sekali berfikir untuk mempertahankannya. Bagi kelompok ini, laungan merdeka hanyalah rutin tahunan yang tidak membawa sebarang makna.

Manakala cuti umum pada setiap 31 Ogos hanyalah peluang untuk berehat dan menghabiskan masa bersama keluarga. Tiada yang istimewa tentang tarikh keramat ini. Bagi kebanyakan rakyat Malaysia, ia cuma hari kelepasan umum sama seperti cuti-cuti

umum lain tanpa ada sebarang usaha untuk mencipta perbezaan atau kelainan.

Jika pun ada keprihatinan untuk memperuntukkan sedikit ruang bagi kemerdekaan hanyalah apabila mereka menonton sambutan kemerdekaan menerusi televisyen. Itu pun sekadar menonton dengan ulasan-ulasan negatif seolah-olah memperlekehkan usaha pihak yang berkenaan bertungkus-lumus untuk menjayakan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara.

Hakikatnya penghayatan erti kemerdekaan di kalangan rakyat negara kita masih kurang. Sebab itu anak-anak muda kita masih khayal dengan aktiviti merempit pada malam ambang kemerdekaan. Sebab itu masih ada kalangan kita yang tidak mempunyai rasa hormat apabila lagu *Negaraku* berkumandang. Sebab itu tiada rasa sebak jauh sekali sayu apabila melihat barisan pejuang tanah air yang kini uzur.

Pada hari pertama fasa kedua kemerdekaan

negara, rakyat Malaysia terutama generasi muda tanpa mengira bangsa, agama dan budaya mesti berazam untuk menghargai kemerdekaan yang kita kecapi selama ini.

Kesedaran ini penting kerana kejayaan melalui fasa pertama bukan bermakna kita mampu mencatatkan pencapaian yang sama untuk tempoh 50 tahun akan datang.

Lebih penting lagi, cabaran serta dugaan yang menunggu kita amat berbeza rentaknya. Tanpa persiapan rapi, tidak mustahil fasa kedua kemerdekaan tanah air gagal dipertahankan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab setiap daripada kita membuat yang terbaik untuk menghargai kemerdekaan tanah air dan memastikan kita tidak akan dijajah lagi walaupun dalam bentuk penjajahan mental.

Paling penting mengingati kemerdekaan tanah air bukan hanya pada 31 Ogos. Ia mesti disemat di sanubari dan sehati dalam diri setiap rakyat Malaysia.

UM-1/9/2007